




Isu-Isu Akidah

Disunting Oleh:

Dr Norazlina Zakaria &

Khadijah Kamaruddin



Isu-Isu Akidah

Cetakan Pertama, 2018 Hak Cipta Terpelihara.

Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh diguna semula, ataupun dipindahkan dengan sebarang bentuk ayat dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, penggambaran semula dan sebagainya tanpamendapat izin daripada pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh:

KUIN Sdn. Bhd.
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul halim Mu'adzam Shah
(UniSHAMS),
09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman, Malaysia.

Cetakan oleh:

Asa Mesra Printer,
No.9, Lot 33, Bandar Darul Aman, 06000 Jitra, Kedah.
Pihak Untuk Dihubungi:


Unit Pengurusan Penyelidikan Pusat Pengurusan Siswazah
&Penyelidikan
Tel.: +604-415 5087 Fax.: +604-415 5050
Email: rmu@unishams.edu.my

Isu-Isu Akidah

Norazlina Zakaria & Khadijah Kamaruddin

ISBN: 978-967-0405-20-9

Tarikh: Disember 2018



Kandungan

Muqaddimah

SIGNIFIKANSI PENGHAYATAN MAZHAB SYAFIE DALAM PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA

Nor Najwa Ghazali5

ANALISIS PERLAKUAN GANAS DARIPADA PERSPEKTIF KEROHANIAN ISLAM: SATU SOROTAN DEFINISI

Noor Syakirah Mat Akhir, Norazlina Zakaria & Muhammad Azizan Sabjan32

TERMINOLOGI AQIDAH DALAM AGAMA DAN AJARAN SELAIN ISLAM

Ummu Hani Binti Abas & Mohd Azizul Rahman bin Zabidin52

IMPLIKASI SEKULARISME TERHADAP PERMASALAHAN

PERTUKARAN AGAMA66

Khadijah Kamaruddin

عصر التابعين وبداية النزعة العقلية في العقائد

Shaheta Hafiz.....82

Muqaddimah

*Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasihani
Segala puji bagi Allah, solawat dan salam ke atas junjungan mulia
Nabi Muhammad SAW*

Alhamdulillah, dengan izin dan pertolongan Allah SWT buku Isu-isu Aqidah ini akhirnya dapat diterbitkan. Buku ini terhasil daripada himpunan sebahagian daripada tiga belas kertas kerja yang telah dibentangkan dalam Seminar Pemurnian Aqidah yang telah diadakan di Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (UniSHAMS), Kuala Ketil, Kedah pada tanggal 14 Julai 2018. Sebahagian lagi diterbitkan dalam Jurnal Kulliyah Usuluddin (Edisi Khas) tahun 2018.

Seminar tersebut telah dianjurkan oleh Kulliyah Usuluddin dan Sains al-Quran UniSHAMS dengan kerjasama serta penajaan daripada Majlis Dakwah Negara, Islamic Business School UUM, Jabatan Mufti Negeri Kedah, Lembaga Zakat Negeri Kedah dan Majlis Agama Islam Negeri Kedah. Selain daripada pembentangan kertas kerja akademik yang dibukukan ini, peserta-peserta seminar juga telah didedahkan dengan pelbagai isu-isu aqidah semasa dalam sesi ucap-tama dan tiga buah ceramah oleh tokoh-tokoh yang telah diundang khas.

Buku Isu-isu Aqidah ini diterbitkan sebagai satu wasilah untuk menyebarkan kajian-kajian sarjana dalam bidang aqidah agar dapat mencambah minda serta menambah ilmu para pembaca tentang isu-isu terkini berkaitan aqidah. Semoga usaha yang sedikit ini akan dapat menyumbang kepada usaha-usaha mengukuhkan aqidah umat Islam. Pihak editorial ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua penyumbang artikel serta KUIN Sdn Bhd yang sudi menerbitkan buku ini. Pihak kami juga ingin memohon maaf atas segala kekurangan yang terhadap susun atur dan rekabentuk buku ini. Selamat membaca dan semoga para pembaca teruja meneroka isu-isu aqidah yang dibahaskan di dalam buku kecil ini.

Salam hormat,

Noraylina Zakaria & Khadijah Kamaruddin

TERMINOLOGI *AQIDAH* DALAM AGAMA DAN AJARAN SELAIN ISLAM

Dr.Ummu-Hani Binti Abas
ummuhani@unishams.edu.my

Mohd Azizul Rahman Bin Zabidin
azizul@unishams.edu.my

Abstrak

Terdapat keraguan di kalangan rakyat Malaysia dalam menggunakan perkataan *aqidah* untuk agama-agama lain selain agama Islam. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti adakah istilah *aqidah* boleh digunakan untuk menyatakan keyakinan dan pegangan terhadap sesuatu agama selain agama Islam. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan menganalisa terminologi *aqidah* berdasarkan kamus-kamus bahasa dan buku-buku *aqidah*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perkataan *aqidah* boleh digunakan untuk sesuatu pegangan agama selain agama Islam kerana ia membawa maksud yang umum.

Abstract

There is doubt in using the word *aqidah* for other religions other than Islam. This study aims to identify whether the term *aqidah* can be used to express any religious faith and belief other than Islam. This study uses a qualitative methodology by analyzing the

terminology of *aqidah* based on the dictionaries and the *aqidah* books. The findings show that the words of *aqidah* can be used for other religions other than Islam because it has a general meaning.

Kata Kunci: *Aqidah, Keyakinan, Kepercayaan.*

Pendahuluan

Aqidah ialah perkara yang wajib dibenarkan oleh hati dan jiwa aka menjadi tenteram kerananya sehingga menjadi suatu kenyataan yang teguh dan kukuh serta tidak dicampuri dengan keraguan dan kebimbangan. Dengan erti kata lain *aqidah* bermaksud keimanan yang tidak terkandung suatu keraguan apapun pada orang yang menyakininya. Sekiranya keyakinan itu tidak kuat, maka tidak dinamakan *aqidah*.

Istilah *aqidah* sudah biasa digunakan di Malaysia untuk menggambarkan pegangan dan keyakinan seseorang terhadap agama Islam sehingga ada yang beranggapan bahawa perkataan ini tidak wajar digunakan untuk agama dan ajaran selain daripada agama Islam terutamanya bagi orang-orang yang tidak memahami bahasa Arab. Ini kemungkinan bagi mengelakkan penyalahgunaan perkataan *aqidah* oleh ajaran bukan Islam sekaligus mengelakkan kekeliruan di kalangan penganut Islam di Malaysia dalam membezakan *aqidah* yang benar dan batil seperti isu

penggunaan kalimah Allah di kalangan orang bukan Islam di Malaysia yang pernah menjadi perbincangan di kalangan rakyat Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, timbul persoalan adakah benar istilah *aqidah* tidak wajar digunakan oleh agama dan ajaran lain selain agama Islam? Apakah terdapat pengkhususan penggunaan istilah *aqidah* yang pernah dibuat oleh ulama-ulama terdahulu?

Permasalahan Kajian

Timbul keraguan dalam menggunakan perkataan *aqidah* untuk agama dan ajaran selain agama Islam di dalam penulisan atau percakapan di kalangan orang Islam di Malaysia. Ini disebabkan rakyat Malaysia sudah terbiasa menggunakan istilah *aqidah* hanya pada agama Islam sahaja. Sekiranya istilah ini digunakan pada agama dan ajaran lain seperti Buddha dan Kristian, ia kelihatan janggal dan salah. Seolah-olah istilah *aqidah* tidak membawa maksud yang umum atau dengan erti kata lain ia adalah istilah khusus untuk agama Islam sahaja.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti adakah istilah *aqidah* boleh digunakan untuk menyatakan keyakinan dan pegangan terhadap sesuatu agama dan ajaran selain agama Islam. Perkataan *aqidah* sebenarnya adalah perkataan yang dipinjam dari bahasa Arab dan ulama Arab tidak menghadkan penggunaannya hanya untuk

agama Islam kerana ia membawa maksud yang umum. Oleh itu, istilah *aqidah* ini perlu difahami dengan betul dan digunakan secara professional dan tepat.

Metodologi Kajian

Keseluruhan kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengaplikasi analisis penggunaan istilah *aqidah* berdasarkan buku ilmiah, tesis dan kamus.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

1. Pengertian Perkataan *Aqidah* Menurut Kamus

Perkataan "*Aqidah*" berasal dari bahasa arab dan diambil dari kata dasar "al-'aqdu" iaitu *al-rabth* (ikatan), *al-tawatstsuq* (menjadi kukuh, kuat), *asy-syddu biquwwah* (pengikatan dengan kuat), *al-tamaasuk* (pengukuhan) dan *al-itsbaatu* (penetapan). Di antaranya juga mempunyai erti *al-yaqiin* (keyakinan) dan *al-jazmu* (penetapan). "*Al-'Aqdu*" (ikatan) kata lawan bagi *al-hallu* (penguraian, pelepasan). Kata tersebut diambil dari kata kerja: "*'Aqadahu*" "*Ya'qiduhu*" (mengikatnya), "*Aqdan*" (ikatan sumpah), dan "*'Uqdatun Nikah*" (ikatan pernikahan). Bentuk jamak dari *aqidah* adalah *aqaid*.⁴ Allah Ta'ala berfirman, "Allah tidak

⁴ Mahmood Abd al-Rahman Abd al-Mun'im, 1999, *Mu'jaam al-Mustolahaat al-Alfaaz Al-Fiqhiyyah*, Dar al-Fadhilah: Kaherah, hal:

menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpahmu yang tidak dimaksud (untuk bersumpah), tetapi dia menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpah yang kamu sengaja ...".⁵

Menurut Kamus Dewan *aqidah* bermaksud sesuatu yg dipercayai atau diyakini (terutamanya tentang agama); kepercayaan; keyakinan⁶.

Menurut Louis Ma'luf, *aqidah* ialah sesuatu yang diyakini oleh hati nurani manusia tentang sesuatu yang telah nyata dalam keyakinannya⁷.

Menurut Kamus Fekah, *Aqidah* bermaksud ketetapan hukum yang tidak ada keraguan pada orang yang berpegang dengannya. Manakala pengertian *aqidah* dalam agama maksudnya adalah berkaitan dengan keyakinan bukan perbuatan.⁸

2. Pengertian *Aqidah* Menurut Ulama

Menurut Hasan al-Banna dalam kitab *Majmu'ah ar-Rasail* : Aqa'id adalah beberapa perkara yang wajib diyakini kebenarannya oleh hati, mendatangkan ketenteraman jiwa, menjadi keyakinan yang tidak

517, Ibn Manzur, 1994, *Lisan al-'Arab*, Jilid.3, Cetakan 3, Dar al-Fik: Beirut, hal: 296.

⁵ Surah al-Maaidah : 89.

⁶ <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=akidah>

⁷ Louis Ma'luf, 1992, *al-Munjid fi al-Lughah wa A'lam*, Dar al-Mashriq: Beirut hal: 519.

⁸ Sa'adi Abu Habib, 1993, *al-Qamus al-Fiqhi Lughatan wa Istilahan*, Juzuk 3, Cetakan 2, Dar al-Fikri: Damsyik, hal: 256.

bercampur sedikitpun dengan keragu-raguan”⁹ Pengakuan ini mampu mengendalikan jiwa serta memberi kesan kepadanya kerana melalui *aqidah* sebegini akan melahirkan rasa cinta, tunduk, patuh dan redha dalam menerima ketetapan.¹⁰

“*Aqidah* adalah sejumlah kebenaran yang dapat diterima secara umum oleh manusia berdasarkan akal, wahyu dan fitrah. Kebenaran itu dipasakkan di dalam hati serta diyakini kesahihan dan keberadaannya secara pasti”.¹¹

Menurut M Hasbi Ash Shiddiqiey mengemukakan *aqidah* menurut ketentuan bahasa (bahasa arab) ialah sesuatu yang dipegang teguh dan tertanam kuat di dalam hati dan tak dapat beralih daripadanya.¹²

Manakala menurut Syeikh Mahmoud Syaltout (mantan rektor al-Azhar Mesir) mengatakan *Aqidah* merupakan sistem kepercayaan yang dituntut pertama-tama dan terdahulu dari segala sesuatu untuk dipercayai dengan suatu keimanan tanpa ada keraguan sedikitpun, dan tanpa

⁹ Al-Banna, Hasan, *Majmu'atu ar-Rasail*, Muassasah al-Risalah Beirut, hal: 445.

¹⁰ Umar Sulayman al-Aqsar, 1984, *al-Aqidah fi Allah*, Cetakan 5, Maktabah Falah: Kuwait, hal: 9.

¹¹ Abu Bakr al-Jazairy, 1984, *Aqidah al-Mu'min*, Dar al-Kitab al-Salafiyah: Kaherah, hal: 18.

¹² M.Hasbi Ash-Shiddieqy, *Sejarah dan Pengantar Ilmu Tauhid/Kalam*, Bulan Bintang: Jakarta, hal: 50.

ada unsur yang mengganggu kebersihan keyakinan.¹³

Berdasarkan pengertian *aqidah* dalam beberapa kamus dan pendapat beberapa ulama, dapat disimpulkan bahawa sesuatu yang telah menjadi ketetapan hati seseorang secara pasti adalah *aqidah*; baik itu benar ataupun salah dan ia bersifat mengikat dan mengandungi perjanjian.

Sebagai contoh *aqidah* agama Buddha yang berasaskan ajaran Buddha Śākyamuni (Siddhārtha Gautama) mempunyai dua kepercayaan utama, iaitu Theravada (Bahasa Sanskrit: Sthaviravāda), Mahayana.¹⁴

Agama Hindu pula menetapkan Tuhan tertingginya adalah Iswara atau Trimurti yang terdiri daripada Dewa Brahma, Dewa Vishnu dan Dewa Shiva. Namun dalam beribadah, umat Hindu mempunyai beberapa aliran, sebahagiannya menyembah Brahma, ada yang menyembah Vishnu dan ada pula yang menyembah Shiva. Selain itu, mereka juga menyembah dewa-dewi lain yang jumlahnya sangat banyak.¹⁵

¹³ Syeikh Mahmoud Syaltout, 2001, *al-Islam Aqidah wa Syariah*, Cetakan 18, Dar al-Syuruk, Kaherah, hal: 9.

¹⁴ Mohd Rosmizi, Wan Mohd Fazrul Azdi, Marina Munira, Roslizawati, 2013, *Agama-agama di dunia*, USIM, Cetakan 3, Cetakan Mesbah Sdn.Bhd, hal: 102-104.

¹⁵ Mohd Rosmizi, Wan Mohd Fazrul Azdi, Marina Munira, Roslizawati, 2013, hal: 39.

3. Penggunaan Istilah *Aqidah* Dalam Buku dan Penulisan

Terdapat beberapa buku dan penulisan yang menggunakan istilah *aqidah* dalam menyatakan keyakinan dan pegangan agama-agama lain selain Islam seperti:

- *al-Aqidah al-Yahudiyyah Baina al-Wahyi al-Ilahi wa al-Fikri al-Bashari* (Akidah Yahudi Di Antara Wahyu Tuhan dan Pemikiran Manusia) dikarang oleh Mohammed Mohammed Mohammed Isa.¹⁶ Penulis coba memperjelaskan konsep Akidah Yahudi dan hubungkaitnya dengan konsep ketuhanan, kenabian, hari kebangkitan, keistimewaan sebagai bangsa pilihan Tuhan dan konsep bumi yang dijanjikan¹⁷ melalui kajian ilmiah terhadap teks Perjanjian Lama dan sumber-sumber

¹⁶ Mohammed Mohammed Mohammed Isa, *al-Aqidah al-Yahudiyyah Baina al-Wahyi al-Ilahi wa al-Fikri al-Bashari*, Journal of Sharia and Islamic Studies, Kuwait University, 2007, Vol. 22 (68).

¹⁷ Tanah yang Dijanjikan (Tanah Perjanjian; bahasa Ibrani: הארץ המובטחת, terjemahan: ha-Aretz ha-Muvtakhat; bahasa Inggris: Promised Land) merujuk pada satu istilah yang digunakan bagi mengertikan tanah yang dijanjikan oleh Tuhan, berdasarkan Alkitab Ibrani, kepada Bani Israel. Janji ini pertama kali dibuat kepada Abraham (Kejadian 15:18-21) dan kemudian sekali lagi kepada anak dia Ishak, dan anak laki-laki Ishak, Yakub (Kejadian 28:13), cucu Abraham. Tanah yang Dijanjikan diberikan kepada keturunan mereka setelah Keluaran dan diartikan dalam bentuk terkait wilayah dimulai dari Sungai Mesir ke Sungai Efrat. Lihat: https://id.wikipedia.org/wiki/Tanah_yang_Dijanjikan

Yahudi yang lain bagi menentukan sejauh mana kebenaran tahap kesucian teks bagi akidah Yahudi dan komitmen mereka terhadap apa yang diperintahkan.

- *Aqid al-Yahud min Khilal al-Hiwar ma'a al-Nabiyy Solla al-Allah Alaihi wa Sallam (Aqidah Yahudi Melalui Dialog Di Antara Nabi S.A.W)* ditulis oleh Adnan Ahmad al-Abd al-Bardini¹⁸. Penulis mengumpulkan dialog yang terjadi antara Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam dan Kaum Yahudi, dan telah membuat beberapa kesimpulan terhadap isu-isu yang berkaitan dengan *Aqid al-Yahud* (kepercayaan Yahudi) tersebut, dengan cara menerangkannya dengan menggunakan dan berpandukan kitab-kitab *aqidah*, tafsir, hadis dan sejarah. Selain itu, kajian ini cuba untuk menunjukkan sejauh mana komitmen Kaum Yahudi terhadap *Aqidah* tersebut pada masa Nabi saw dan pada zaman sekarang.
- *Aqidah al-Yahud fi al-Sifaat Dirasah Naqdiyyah fi Dau' la-Quran* (Kepercayaan Yahudi dalam sifat-sifat Allah: Kajian kritikal menurut Al Quran dan As Sunnah), tulisan Sulaiman Bin Qasim Mohammed

¹⁸ Adnan Ahmad al-Abd al-Bardini, *Aqid al-Yahud min Khilal al-Hiwar ma'a al-Nabiyy Solla al-Allah Alaihi wa Sallam*, Master. Thesis, Islamic University of Gaza, 2010 (unpublished).

al-'eid¹⁹. Penulis menilai kepercayaan Yahudi (*Aqidah al-Yahud*) melalui kitab suci mereka (Perjanjian Lama) dan mendapati banyak sifat-sifat Allah yang tidak digambarkan sepertimana yang digambarkan dan ditegaskan oleh Al-Quran dan Sunnah. Terdapat beberapa teks yang menggambarkan Allah dalam keadaan tidak berpengetahuan, tidak berkuasa, letih, meyesal, takut, miskin dan lain-lain. Ini adalah bukti penyimpangan yang dimasukkan oleh orang Yahudi dalam kitab suci mereka.

- *Aqidah al-Yahud wa al-Nasara fi Maryam Alaiha al-Salam: 'Ard wa Naqd* (*Aqidah Yahudi Dan Nasrani Dalam Kisah Maryam 'Alaihassalam: Satu Tinjauan Dan Kritikan*), ditulis oleh Manal Hamzah Abdullah Banunah.²⁰ Penulis cuba untuk menjelaskan *Aqidah* Islam yang sebenar yang dianuti oleh Maryam Alaihassalam dengan mengetengahkan hujah-hujah menyangkal tuduhan, fabrikasi dan kecurigaan yang disuarakan oleh musuh-musuh Islam dalam *Aqidah* mereka terhadap kesucian Maryam 'alaihassalam, seorang perawan

¹⁹ Sulaiman Bin Qasim Mohammed al-'eid, *Aqidah al-Yahud fi al-Sifaat Dirasah Naqdiyyah fi Dau' la-Quran*, Journal of Educational Sciences, King Saud University, 2004, 16 (3), p 1079.

²⁰ Manal Hamzah Abdullah Banunah, *Aqidah al-Yahud wa al-Nasara fi Maryam Alaiha al-Salam: 'Ard wa Naqd*, Phd. Thesis, Umm al-Qura University, 2014. (unpublished).

solehah yang diangkat pengkisahannya di dalam al-Quran.

Berdasarkan penggunaan istilah *aqidah* yang digunakan di dalam buku-buku dan penulisan arab sendiri, kita dapati ia tidak datang sendirian melainkan disebut bersama-sama sesuatu agama atau ajaran bagi mengkhususkan kepada *aqidah* tertentu.

Adapun penulisan dalam bahasa Melayu atau dalam perbualan orang-orang Islam di Malaysia jarang sekali kita menemui istilah *aqidah* ini digunakan untuk agama-agama lain kerana ia seolah-olah satu kesalahan dan takut-takut memberi kesan negatif kepada penganut agama Islam. Ini berlaku kerana mereka tidak memahami bahasa Arab itu sendiri seterusnya merasa ragu-ragu untuk menggunakannya, malah ada yang melarang menggunakan istilah ini untuk agama dan ajaran lain selain Islam.

Sebenarnya menggunakan istilah *aqidah* untuk agama-agama lain ini tidak akan mengganggu sensitiviti orang Islam di Malaysia seperti isu penggunaan kalimah Allah untuk orang bukan Islam atau agama lain walaupun ia dibenarkan di negara-negara Arab. Rakyat Malaysia perlu memahami maksud perkataan-perkataan Melayu yang dipinjam dari bahasa Arab sendiri terutamanya para pendakwah di Malaysia yang semakin ramai muncul

di *youtube*. Terdapat segelintir pendakwah yang lantang bersuara dan berani menghuraikan hukum-hakam agama Islam tanpa mendalami makna setiap istilah Arab yang diguna pakai dalam Malaysia.

Oleh itu, para ulama, pendakwah dan penulis perlu memainkan peranan mereka dalam menerangkan kepada orang-orang Islam maksud sebenar perkataan-perkataan yang dipinjam tersebut bagi mengelakkan berlakunya salah tafsiran terutamanya perkataan-perkataan yang berkaitan *aqidah* dan hukum-hakam agama Islam.

Penutup

Terminologi *aqidah* dapat disimpulkan sebagai himpunan perkara-perkara yang berkaitan kepercayaan dan keyakinan di dalam hati sehingga ia mampu membuatkan jiwa seseorang tenteram, tidak ada keraguan dan syak wasangka di dalam hati seterusnya membuahakan rasa cinta, tunduk, patuh dan redha dengan setiap ketetapan.²¹ Oleh itu, kajian membuktikan bahawa istilah *aqidah* tidak terhad digunakan untuk agama Islam sahaja, bahkan boleh digunakan oleh agama lain. Rakyat Malaysia yang beragama Islam khususnya perlu bersikap profesional dan tidak terlalu fanatik dalam menghadkan

²¹ Umar Sulayman al-Aqsar, hal 9, Abu Bakr al-Jazairy, hal 18.

penggunaan istilah tersebut selagi mana ia tidak memberi ancaman kepada akidah orang-orang Islam.

Bagi penulis sudah tiba masanya perkataan-perkataan Arab yang terdapat dalam bahasa Melayu sekarang perlu digunakan secara betul dan bertepatan maksudnya dengan bahasa asal tersebut. Ini kerana terlalu banyak istilah Arab yang dipinjam tapi disalah terjemah oleh pendakwah-pendakwah Melayu di Malaysia berikutan kebiasaan mereka memahami maksud perkataan tertentu sejak kecil lagi. Sekiranya dibiarkan fenomena ini terus berlaku, tidak mustahil ia akan mengancam akidah dan menimbulkan salah faham dalam memahami hukum hakam agama di kalangan generasi akan datang.

Rujukan

Abu Bakr al-Jazairy, 1984, *Aqidah al-Mu'min*, Dar al-Kitab al-Salafiyyah: Kaherah.

Adnan Ahmad al-Abd al-Bardini, 2010, *Aqaid al-Yahud min Khilal al-Hiwar ma'a al-Nabiyy Solla al-Allah Alaihi wa Sallam*, al-Jami'ah al-Islamiyyah: Ghaza.

Al-Banna, Hasan, *Majmu'atu ar-Rasail*, Muassasah al-Risalah Beirut.

Ibn Manzur, 1994, *Lisan al-'Arab*, Jilid.3, Cetakan 3, Dar al-Fikr: Beirut.

Louis Ma'luf, 1992, *al-Munjid fi al-Lughah wa A'lam*, Dar al-Mashriq: Beirut.

Manal Hamzah Abdullah Banunah, 2014, *Aqidah al-Yahud wa al-Nasara fi Maryam Alaiha al-Salam ('Ard wa Naqd)*, Jami'ah Umm al-Qura.

Mahmood Abd al-Rahman Abd al-Mun'im, 1999, *Mu'jaam al-Mustolahaat al-Alfaaz Al-Fiqhiyyah*, Dar al-Fadhilah: Kaherah.

M.Hasbi Ash-Shiddieqy, 1976, *Sejarah dan Pengantar Ilmu Tauhid/Kalam*, Bulan Bintang: Jakarta.

Mohammed Mohammed Mohammed Isa, 2007, *Majallah al-Syariah wa al-Dirasaat al-Islamiyyah*, Jil.22, Vol 68.

Mohd Rosmizi, Wan Mohd Fazrul Azdi, Marina Munira, Roslizawati, 2013, *Agama-agama di dunia*, USIM, Cetakan Mesbah Sdn.Bhd.

Sa'adi Abu Habib, 1993, *al-Qamus al-Fiqhi Lughatan wa Istilahan*, Juzuk 3, Cetakan 2, Dar al-Fikri: Damsyik,.

Syeikh Mahmoud Syaltout, 2001, *al-Islam Aqidah wa Syariah*, Cetakan 18, Dar al-Syuruk, Kaherah.

Sulaiman al-'eid, 2004, *Aqidah al-Yahud fi al-Sifaat Dirasah Naqdiyyah fi Dau' la-Quran*, Majallah Jami'ah Malik Sa'uud .

Umar Sulayman al-Aqsar, 1984, *al-Aqidah fi Allah*, Cetakan 5, Maktabah Falah: Kuwait.